

NO. SOALAN: 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 18 MEI 2016

RUJUKAN : 8987

SOALAN:

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kertas siasatan jenayah telah dibuka terhadap himpunan perkauman Baju Merah pada 16 September 2015 dan kejadian rusuhan di Plaza Low Yat serta apakah kedudukan terkini kes-kes tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi perhimpunan “Himpunan Rakyat Bersatu” pada 16 September 2015, pihak polis telah membuka sebanyak 17 kertas siasatan bersabit kesalahan di bawah pelbagai akta. Daripada jumlah tersebut 4 kes telah dituduh di mahkamah.

Bagi kes rusuhan yang berlaku di Plaza Low Yat, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada 12 Julai 2015, pihak polis telah membuka sebanyak 12 kertas siasatan di bawah Kanun Keseksaan. Daripada jumlah tersebut 3 kes telah dituduh di mahkamah.